

## **Budaya Berendoi Terus Kekal**

Oleh: Aminah Ibrahim, 1180168



Kumpulan Nazam Raudhatul Iman selepas membuat persembahan majlis aqiqah-  
Foto Aminah Ibrahim

KORIS: Kumpulan Nazam Raudhatul Iman (KNRI) ditubuhkan bagi mengekalkan  
kebudayaan Melayu agar tidak pupus ditelan zaman.

Kumpulan itu diketuai oleh Sarimah Md Tahir bersama 21 ahli di Kampung Koris,  
Batu Pahat, Johor disebabkan minatnya yang mendalam terhadap seni.

Beliau berharap dapat membawa KNRI mengadakan persembahan di luar daerah  
Johor sekaligus dapat mengharumkan nama kampung Koris kerana negeri Johor  
merupakan antara negeri yang terkenal dengan kesenian dan artis-artis kebanyakan  
datangnya dari negeri ini.



Peralatan yang digunakan- Foto Aminah Ibrahim

Katanya, latihan berendoi kebiasaannya diadakan pada waktu malam disebabkan oleh kekangan waktu pada siang hari dan perlatan yang digunakan dalam nazam ini adalah kompang, gendang, marakas dan tamborin.

Seterusnya, “bagi tarikan dalam nazam ini, suara ketua sangat dititikberatkan iaitu ketua perlu memiliki suara yang merdu dan tidak sumbang agar dapat menarik minat pendengar,” ujarnya serta nazam ini kebiasaannya diadakan sewaktu majlis aqiqah dan perkahwinan.

Menurutnya lagi, sebagai seorang ketua, cabaran utama yang dihadapi adalah, untuk mengendalikan penyanyi bersuara sumbang dengan memberi latihan yang secukupnya.

Tambahan pula, menurut Rahimah Mahat, 55, salah seorang ahli KNRI, berkata, “antara sebab mengikuti KNRI, sangat meminati seni, dapat memperolehi ramai kawan serta dalam nazam ini banyak berselawat ke atas nabi,” ujarnya.

Bagi memainkan peranan dalam menaikkan nama KNRI, Rahimah bersama rakan ahli yang lain mempromosikan KNRI di media sosial seperti *facebook* agar dapat menarik minat masyarakat.

Rahimah juga menggalakkan agar anak muda turut menyertai dan mendalami ilmu kesenian seperti alat muzik , sedikit sebanyak dapat mengetahui dan menjadi pewaris supaya kesenian budaya ini tidak mati dan mempunyai pelapis pada masa akan datang.